



**JABATAN PERHUTANAN NEGERI KELANTAN**  
**KENYATAAN TAWARAN**

Tawaran adalah dipelawa daripada kalangan syarikat-syarikat pembekal tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) dan masih sah tempohnya di bawah **kod bidang 210101-210203 (Bekalan dan Perkhidmatan Barang-Barang IT)** untuk menyertai sebutharga berikut:-

**NO. SEBUT HARGA** : **JPNK/KN/BKP/SH/01/2022**

**TAJUK SEBUT HARGA** : **Membekal, Memasang Dan Mengujiterima Set Komputer, Komputer Riba Dan Pencetak Kepada Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan Bagi Tahun 2023**

**TARIKH IKLAN DIBUKA** : **05 Julai 2023 (Rabu)**

**TARIKH TUTUP SEBUTHARGA** : **12 Julai 2023 (Rabu)**

1. Dokumen Sebut harga boleh diperolehi di Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan, Blok 5, Tingkat 1, Kompleks Kota DarulNaim, 15503 Kota Bharu dengan harga **RM50.00** mulai **05 Julai 2023 (Rabu)**.
2. Pihak Individua atau Syarikat Pembekal yang berminat hendaklah membawa bersama item berikut semasa mendapatkan Dokumen Sebut Harga berkaitan:

**a) Dokumen asal dan satu(1) Salinan fotostat :-**

- i. **Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)**

ii. **Sijil Pendaftaran Kontraktor Bumiputra kementerian Kewangan Malaysia dan,**

iii. **Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**


**b) Cop rasmi syarikat**

3. Dokumen sebutharga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam **SAMPUL SURAT** dan ditulis **NO. RUJUKAN SEBUTHARGA** dan dimasukkan ke dalam peti sebut harga di **Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan** sebelum jam 12.00 tengahari pada 12 Julai 2022 (Rabu). Tawaran yang lewat tidak akan diterima.
4. Petender perlu mematuhi syarat-syarat yang terkandung di dalam Arahan Dokumen Sebut Harga. Jika dokumen sebut harga yang dikemukakan didapati tidak mematuhi syarat-syarat tersebut, dokumen itu akan ditolak tanpa pertimbangan seterusnya.
5. Dokumen Sebut Harga yang lewat diterima dari Tarikh dan masa yang ditetapkan, berbangkit dengan apa jua sebab yang mungkin boleh dikemukakan, akan ditolak dan tidak dipertimbangkan.
6. Kontraktor yang tidak mendapat apa-apa jawapan selepas 3bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.

Sekian, terima kasih.

**“RAJA BERDAULAT, RAKYAT SEPAKAT, NEGERI BERKAT”**  
**“MEMBANGUN BERSAMA ISLAM-KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(NIK MOHAMAD FAHMI B. NIK DAUD)**  
Timbalan Pengarah (Khidmat Pengurusan)  
b.p. Pengarah Perhutanan Negeri Kelantan

s.k.

- 1) YABrs. Pengarah Perhutanan Negeri Kelantan
- 2) Fail